

## Program Pengajian Tahfiz dan Asas Penawarannya di Politeknik: Satu Sorotan

**Nor Hayati Fatmi Talib<sup>1</sup>, Bani Hidayat Mohd Shafie<sup>2</sup>, & Ab. Halim Tamuri<sup>3</sup>**

*Politeknik Banting Selangor<sup>1</sup>, IPGM Kampus Pendidikan Islam Bangi<sup>2</sup>,*

*Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor<sup>3</sup>*

*norhayati.fatmi@polibanting.edu.my*

### ABSTRAK

Menyantuni al-Quran melibatkan banyak aspek samada melalui pembacaan, penterjemahan, penguasaan tajwid, pengkajian hukum hakam di dalamnya, hafazan, tarannum dan sebagainya. Kertas kerja ini bertujuan membincangkan tentang penawaran sijil tahfiz di politeknik Kementerian Pengajian Tinggi (KPT). Kertas kerja ini juga menelusuri asas-asas kepada penawaran sijil tahfiz di politeknik KPT. Penulisan ini melibatkan penelitian dokumen-dokumen yang berkaitan bermula dari Jun 2014 sehingga semasa. Data-data yang dikemukakan adalah merangkumi permulaan cetusan idea, fasa-fasa perancangan dan proses pelaksanaan serta asas-asas kepada pelaksanaan program ini di politeknik KPT. Data-data ini diharapkan menjadi antara bahan rujukan dalam pelaksanaan program ini di politeknik khususnya dan dalam skop yang lebih luas amnya. Diharap akhirnya, akan wujud lebih banyak laluan bagi lepasan tahfiz sekolah menengah ke institusi pengajian tinggi. Dalam masa yang sama meletakkan politeknik sebagai pilihan pelajar lepasan SPM dan melahirkan huffaz professional.

### ABSTRACT

Ethics towards Al-Quran covers many aspects; through narrating, translating, tajweed mastering and its rules, memorizing the verses and Tarannum. The purpose of this paper is to discuss and explore the reasons of offering the Tahfiz Cerificate in KPT Polytechnics. Related documents have been reviewed since June 2014 until present. Data presented covers the initial ideas of the offering, phases of planning and executing and the foundation of the offering of the certification program in polytechnics. These data can be reference materials in the implementation of the program in polytechnics. It is hoped that eventually, there will be more options for tahfiz high school leavers to enter higher educational institutions and at the same time, putting polytechnics as one of the options for SPM leavers to produce professional huffaz.

### PENGENALAN

Dari segi bahasa (etimologi) Al-Qur'an berarti "bacaan" atau "yang dibaca" manakala dari segi istilah Al-Quran adalah firman (wahyu) Allah yang diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW melalui perantaraan Malaikat Jibril yang merupakan mukjizat, dalam Bahasa Arab, merupakan petunjuk dan pedoman hidup bagi manusia. Al-Quran terpelihara sehingga akhir zaman sebagaimana firman Allah swt dalam surah al-Hijr ayat 9:

*"Sesungguhnya Kamilah yang menurunkan Al-Quran, dan Kamilah yang memelihara dan menjaganya".*

*(Surah al-Hijr 15:9)*

Ayat ini menjelaskan bahawa Allah swt yang telah menurunkan al-Quran al-Karim, Allah swt juga menegaskan bahawa Dia yang akan menjaganya sehingga hari kiamat. Penghafazan al-Quran oleh manusia adalah merupakan antara bentuk penjagaan tersebut. Di sebalik ketetapan Allah swt ini juga dapat difahami bahawa selagi manusia berpegang kepada al-

Quran, kehidupan manusia terjaga sehingga hari kiamat. Hafazan al-Quran bermula dengan penurunan wahyu pertama di Gua Hira', al-Quran dibaca sebanyak tiga kali oleh malaikat Jibril agar Rasulullah saw boleh membacanya tetapi difahami dan diingati. Menerusi hafazan Rasulullah saw mengajar sahabat tentang al-Quran, kemudiannya ditulis oleh sahabat yang boleh menulis (Mohd Yusuf, 2002).

Dalam konteks pengajian tahfiz di Malaysia, bermula tahun 1966 yang lalu, Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj, Perdana Menteri Malaysia yang pertama ketika itu telah menyarankan penubuhan Ma'ahad tahfiz dengan nama Ma'ahad Tahfiz al-Quran wal Qiraat di Malaysia. Maahad ini telah beroperasi di Masjid Negara, Kuala Lumpur dan kemudiannya diletakkan di bawah Institut Dakwah dan Latihan Islam (INDAH) (Afaf Abdul Ghafor Hameed, 2003). Bermula 1997, maahad tahfiz ini dinaiktarafkan sebagai salah satu bahagian di Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan dinamakan Darul Quran beroperasi di Kompleks Darul Quran di Kuala Kubu Bharu Selangor berorientasikan al-Quran dan akademik (Darul Quran, 2006). Pengajian tahfiz terus berkembang pesat di Malaysia sehingga kini di mana di negeri Selangor sahaja terdapat 150 institusi tahfiz persendirian ditubuhkan di mana 24 buah daripadanya berdaftar di bawah Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) dan 107 buah berdaftar dengan Persatuan Institusi Tahfiz al-Quran Selangor (PITAS), (Azmil, 2010).

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri (ketika itu) Dato' Seri Abdullah Hj Ahmad Badawi telah mengutarakan tentang Ulul Albab di dalam ucapannya di Pusat Pengajian Islam University Oxford pada 1 Oktober 2014 dengan ucapan:

*"The Ulul al Bab or men of understanding the Qur'an refers to, are people of reason, of science, of philosophy, of technology. To me the verse represents a categorical imperative for Muslims to unshackle our minds and further, to acquire and master the sciences and technology in order to stay relevant in the modern world."*

(Idris 2017)

Pengajian tahfiz dilestarikan dengan menerapkannya dalam sistem pendidikan di peringkat menengah atas saranan Yang Berhormat Dato' Seri Idris bin Jusoh. Program ini diletakkan di bawah program Tahfiz Ulul Albab di mana dilaksanakan di Sekolah Menengah Imtiyaz Yayasan Terengganu (SMIYT) iaitu di SMIYT Besut, SMIYT Dungun, SMIYT Kuala Terengganu, SMIYT Kuala Berang, SMIYT Kemaman, SMIYT Setiu dan SMIYT Kuala Nerus bermatlamatkan menjadikan Terengganu sebagai hub pendidikan Islam utama di Malaysia melalui pemodenan sekolah pondok (Shahril & Sidek, 2013) dan Arniyuzie (2015).

Atas semangat yang sama Majlis Amanah Rakyat (MARA) memperkenalkan Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA) yang menekankan elemen Qur'anik, Ijtihadik dan Ensiklopedik dan ditawarkan di MRSM Ulul Albab Kota Putra, Terengganu; MRSM Ulul Albab Gemencheh, Negeri Sembilan; MRSM Ulul Albab Kepala Batas, Pulau Pinang dan MRSM Ulul Albab Tawau, Sabah (Wan Mariana & Mohd Shafiee, 2012). Kementerian Pendidikan Malaysia membawa pendekatan yang sama dengan melaksanakan TMUA di Sekolah Menengah Kementerian Pendidikan Malaysia. Bermula tahun 2014 negeri Pahang (SMAP Bentong), Kuala Lumpur (SMKA Kuala Lumpur) dan Kedah (SMKA Kedah) telah melaksanakannya dengan dua laluan dan syarat kemasukan iaitu ketika tingkatan satu dan empat. Pada tahun 2015 pula telah dilaksanakan secara lebih meluas ke seluruh negara iaitu: di Selangor (SBPI Rawang); Perak (SMKA Kerian); Johor (SMKA Maahad Muar), dan Kelantan (SMKA Tok Bachok), tahun 2016 pula dilaksanakan di Terengganu (SBPI Batu Rakit), Sabah (SMKA Kota Kinabalu), Negeri Sembilan (SMKA Haji Abu Hassan Sail) dan Pulau Pinang (SMKA Nibong

Tebal), manakala 2017 pelaksanaannya di Melaka (SBPI Selandar), Perlis (SMKA Arau), Wilayah Persekutuan Putrajaya (SMKA Putrajaya), dan Sarawak (SMKA Sheikh Haji Othman Abdul Wahab).

Di bawah gelombang 1 (Bab 7), Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025), Kementerian Pendidikan telah menetapkan azam dalam menyediakan pendidikan agama berkualiti tinggi lengkap dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran yang relevan berasaskan nilai dan tasawwur Islam yang kukuh. Bagi mejayakannya, kementerian memperkuatkukuhkan pelaksanaan dengan mengangkat Kurikulum Bersepadu Dini/Azhari (KBD) dan Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT) sebagai kurikulum kebangsaan, kurikulum ini diselaraskan oleh pihak Jawatankuasa Kurikulum Agama, Lembaga Penasihat Penyelarasaran Pelajaran dan Pendidikan Agama Islam (LEPAI), dan dilaksanakan di 164 buah sekolah di Malaysia (Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK), Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA), dan Sekolah Berasrama Penuh Integrasi (SBPI)). Pelajar mempunyai banyak pilihan untuk mengikuti pengajian tahfiz di Malaysia dengan wujudnya KBD dan KPT ini.

Perdana Menteri Dato' Seri Najib Tun Razak ketika berucap di Majlis Perhimpunan 20,000 Huffaz di Masjid Wilayah Persekutuan pada 21 Mac 2016 menyatakan bahawa, kerajaan melalui JAKIM sedang merangka Dasar Pendidikan Tahfiz Negara (DPTN) bagi memastikan institusi pendidikan tahfiz al-Quran di negara ini terus subur dan diperkasakan. Kerajaan juga akan menyediakan ruang yang seluas-luasnya kepada madrasah tahfiz untuk memberikan pandangan dan cadangan kepada pembangunan dasar tersebut. Perdana menteri juga menyatakan akan memberikan perhatian secara peribadi bagi menjayakan DPTN. Dalam majlis yang sama, Perdana Menteri merasmikan gabungan Persatuan Tahfiz al-Quran Kebangsaan (Pinta) dan menyifatkan penubuhan pengabungan ini tepat pada masanya dalam penyatuan maahad tahfiz, memudahkan penyelarasaran program dan aktiviti sekaligus memperkasakan maahad tahfiz. Kerajaan juga bersetuju menyediakan dana RM10,000.00 bagi setiap Pinta di setiap negeri (JPM 2016). Senario ini jelas menunjukkan bahawa pendidikan tahfiz semakin mendapat perhatian dan mendapat tempat dalam sistem pendidikan negara. Pengajian tahfiz menjadi alternatif kepada ibu bapa yang mahu melahirkan generasi yang beriman dan profesional.

Kenyataan ini selari dengan pandangan Kamsaton (2005) yang menyatakan bahawa sistem pengajian tahfiz menjadi satu fenomena baharu dalam dunia pendidikan di tanah air. Kajian-kajian juga dilakukan antaranya kajian Muhamadi et al (2015) berkaitan dengan kelebihan yang diperoleh oleh seorang yang bergelar huffaz al-Quran di Maahad Tahfiz al-Quran wal Qiraat Pulai Chondong mendapati bahawa pelajar yang cemerlang dalam hafazan al-Quran akan turut cemerlang dalam akademik dan sahsiah. Kajian Ahmad Syahrul (2015) berkaitan kualiti akademik pelajar yang mengikuti program Huffaz Professional UNITEN mendapati keputusan pelajar yang mengikuti program berbeza secara ketara lebih baik dari kumpulan pelajar yang tidak mengikuti program Huffaz.

## **PERNYATAAN MASALAH**

Mempelajari tentang al-Quran merupakan aspek yang paling diutamakan ke atas setiap Muslim berbanding dengan mempelajari ilmu-ilmu lain yang ada. Ayat al-Quran yang pertama diturunkan oleh Allah swt juga menyuruh membaca dan menguasai ilmu-ilmu berkaitan dengan ketuhanan yang kesemuanya terkandung di dalam al-Quran. Menurut Haron Din

(1992), penguasaan terhadap kemahiran al-Quran berkait langsung dengan keupayaan seseorang meletakkan Islam sebagai jalan hidup. Politeknik menyahut cabaran semasa menyediakan laluan bagi pelajar untuk mendalamai pensijilan tahfiz di samping mengikuti program pengajian Diploma di politeknik. Hafazan merupakan satu skop daripada penguasaan ilmu al-Quran. Proses kearah penawaran ini program ini telah melalui beberapa fasa yang melibatkan banyak komitmen dan hubungan kerjasama dengan banyak pihak. Diharapkan kertas kerja ini dapat membantu usaha murni ini dan menyumbang kepada penawaran program ini. Dalam merealisasikannya, pengkaji medapati terdapat kekurangan maklumat dan rujukan, penulisan dan penerbitan berkaitan penawaran tahfiz di politeknik KPT. Situasi ini mendorong pengkaji mengenengahkan dalam bentuk penulisan usaha-usaha yang telah dirancang dan dilaksanakan sehingga akhirnya program ini berjaya ditawarkan di politeknik KPT.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini menggunakan kaedah perpustakaan dan analisis dokumen dimana pengkaji membuat penelitian terhadap kajian-kajian lepas yang berkaitan, jurnal, buku, artikel prosiding, tesis dan minit mesyuarat.

## **LATAR BELAKANG PENAWARAN SIJIL TAHFIZ DI POLITEKNIK KPT**

Di peringkat politeknik KPT, cetusan idea penawaran Sijil Tahfiz di politeknik bermula melalui saranan dalam ucaprama oleh Professor Dato' Dr. Ab Halim Tamuri, Rektor Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) dalam Seminar Kebangsaan Pendidikan Islam (SKPI 2014) di Institut Tanah dan Ukur Negara di Behrang, Perak pada 4-6 Jun 2014. Pengkaji merupakan Timbalan Pengarah SKPI 2014 bersama urusetia seminar yang lain telah bersetuju untuk memuat naik saranan ini untuk dipanjangkan kepada Jabatan Pendidikan Politeknik (JPP) sebagai resolusi seminar. Susulan itu, beberapa tindakan lanjut telah dilaksanakan dalam kalangan urusetia SKPI 2014 bagi merealisasikan idea ini, antaranya:

- a. Sesi perbincangan ke Bahagian Pendidikan Islam (BPI), Cyberjaya untuk mendapatkan idea daripada pelaksanaan program Tahfiz TMUA KPM telah diadakan pada 17 Jun 2014.
- b. Sesi perbincangan ke Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) telah diadakan pada 4 Julai 2014 bagi mendapatkan panduan pelaksanaan sehingga layak mendapat Sijil Tahfiz Darul Quran JAKIM.
- c. Sesi perbincangan di Darul Quran Ampang Pecah, Hulu Selangor, Selangor bagi mendapatkan idea pelaksanaan program Sijil Tahfiz telah dibuat pada 18 Julai 2014.
- d. Lawatan dan perbincangan di College of Foundation and General Studies, Universiti Tenaga Nasional (UNITEN), Kajang, Selangor pada 28 Ogos 2014 yang menawarkan Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan dengan Sijil Tahfiz. Banyak aspek teknikal dalam pelaksanaan program sijil tahfiz diperoleh dari lawatan dan perbincangan ini.

Menurut Alias et al (2014), hasil lawatan, penandaaras dan perbincangan tersebut, berdasarkan juga dokumen-dokumen rujukan dan garis panduan yang diperoleh, penyediaan Kertas Cadangan Pelaksanaan Program Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA) Di Politeknik, Jabatan Pengajian Politeknik, Kementerian Pendidikan Malaysia disiapkan melalui dua sesi perpengkelan. Mesyuarat Pengurusan Jabatan Pendidikan Politeknik tahun 2014 telah meluluskan kertas cadangan tersebut dan membenarkan penawaran program sijil tahfiz di politeknik.

Pelaksanaan secara rintis telah dilaksanakan bermula pada sesi Jun 2016 di kampus Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah melibatkan seramai 20 orang pelajar dan di kampus Politeknik Idris Shah melibatkan seramai 45 orang pelajar. Program ini dinamakan sebagai Pra-Tahfiz al-Quran al-Karim (PTQK) secara separuh masa dan dilaksanakan sepenuhnya oleh Jabatan Pengajian Am kedua-dua politeknik berkenaan. Program ini diletakkan dalam skop Pendidikan Islam Sepanjang Hayat (PISH) sebagaimana yang diusulkan oleh mantan Timbalan Perdana Menteri Muhyiddin Yassin (2013) dalam Perhimpunan Agung UMNO pada 07 Disember 2013 agar dilaksanakan dan dijadikan dasar negara. Pelaksanaan ini selari dengan PISH yang berhasrat agar dilaksanakan sesuatu program dijalankan secara terancang dan kesinambungan pengajaran dan pembelajaran (PdP) Pendidikan Islam (PI) kepada setiap lapisan masyarakat Islam di negara ini. PISH telah dilancarkan dengan rasminya oleh mantan Timbalan Perdana Menteri pada 05 April 2014 di Kolej Komuniti Ledang, Johor.

Pelaksanaan secara rintis ini dibuat bagi melihat keupayaan politeknik melaksanakannya, kaedah dan pendekatan yang sesuai, keupayaan pelajar mengikuti program ini di samping program pengajian sedia ada yang sedang diikuti oleh pelajar. Pelaksanaan dibuat dalam tempoh 23 Julai sehingga 4 November iaitu selama satu semester. Pelajar didedahkan dengan pembelajaran Tajwid dan Maharat Quran (Kemahiran Quran) bagi memperbetulkan sebutan mahraj, panjang pendek bacaan di samping memberikan pengetahuan berkaitan ilmu al-Quran al-Karim pada hari Sabtu. Setiap malam Isnin hingga Jumaat akan diadakan kelas tasmi' dan tahriri. Hasilnya, pelajar berjaya menghafaz antara dua hingga enam juzuk al-Quran melalui pelaksanaan secara rintis ini.

Beberapa siri mesyuarat, bengkel, lawatan dan pembentangan telah dilaksanakan bagi membuat kajian lanjut, penelitian, mengenalpasti keperluan pelaksanaan, menyediakan dokumen yang diperlukan bagi penawaran sijil tahliz di politeknik, antaranya adalah:

1. Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan dan Penilaian Teknikal Pendidikan Islam Politeknik, KPM di Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK), Galeria PjH, Aras 4, JPP pada 15 Ogos 2014.
2. Mesyuarat Kolaborasi PERMATA dan Darul Quran pada 1 Disember 2015 di Galeria PjH, Aras 4, JPP bagi melihat pelaksanaan dan membuat penandaarasan.
3. Mesyuarat Pengurusan Jabatan Pendidikan Politeknik pada 22 Februari 2016 di Galeria PjH, Aras 4, JPP. Mesyuarat bersetuju melaksanakan program ini di Politeknik KPTM.
4. Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksana Program PISH pada 6 April 2016 bagi pelaksanaan program Pembelajaran Islam Sepanjang Hayat (PISH) Politeknik bagi pelaksanaan sijil tahliz di Galeria PjH, Aras 4, JPP. Hasil mesyuarat adalah draf kertas cadangan pelaksanaan program ini melibatkan Jawatankuasa Pemandu.
5. Pembentangan Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu bagi pelaksanaan program Pembelajaran Islam Sepanjang Hayat (PISH) Politeknik bagi pelaksanaan sijil tahliz. Pembentangan dilaksanakan di Bilik Mesyuarat Operasi, Aras 4, JPP pada 9 Mei 2016.
6. Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksana Program PISH pada 10 Jun 2016 bagi pelaksanaan program Pembelajaran Islam Sepanjang Hayat (PISH) Politeknik bagi pelaksanaan sijil tahliz di Galeria PjH, Aras 4, JPP.
7. Bengkel Pembangunan kurikulum telah diadakan pada 22-24 Ogos 2016 bagi memperhalusi kaedah pelaksanaan program tahliz di politeknik.
8. Bengkel Pembangunan Kurikulum Bagi Program Diploma Politeknik Dengan Sijil Tahliz di Bilik Mesyuarat ULPL Politeknik Nilai Negeri Sembilan pada 9 September 2016.

9. Mesyuarat Penyediaan & Pembentangan Kertas Kerja Bagi Program Diploma Politeknik Dengan Sijil Tahfiz di Galeria PjH, Aras 4, JPP pada 22-24 Oktober 2016.
10. Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Penawaran Program Pengajian Baru dan Penajaran Program Pengajian Sedia Ada Politeknik KPT di Bilik Mesyuarat Utama, Aras 5 JPP pada 7 November 2016. Mesyuarat bersetuju penawaran program baru Diploma Aktauntansi dengan Sijil Tahfiz akan mula dilaksanakan bermula Jun 2017.
11. Pembentangan Kertas Kerja Penawaran Program Pengajian Baru dan Penajaran Program Pengajian Sedia Ada Politeknik KPT di JPP pada 7 Februari 2017 pada Dato Ketua Pengarah JPP & JPPKK. Mesyuarat bersetuju program dijalankan di bawah PISH tetapi di bawah program sedia ada bukannya program baru dan pembentangan semula dibuat kepada JK Teknikal PISH yang dipengerusikan menteri pada November 2017.
12. Pembentangan Penawaran Program Diploma Perniagaan Antarabangsa Beserta Sijil Tahfiz pada 7 Mac 2017 di Dewan Syura Darul Quran, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) Ampang Pecah, Kuala Kubu Bharu Selangor. Maklumbalas dari mesyuarat sebelumnya (k).
13. Bengkel Penyediaan Kertas Pembentangan bagi Penawaran Program Diploma Perniagaan Antarabangsa beserta Persijilan Tahfiz pada 14 Mac 2017 di Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah.
14. Lawatan tapak oleh pihak Darul Quran ke Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah pada 15 Mac untuk melihat kesediaan pelaksanaan persijilan tahfiz dari segi ruang dan kemudahan.
15. Pendaftaran 9 orang pelajar kohort pertama di Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah pada 4 Jun 2017.

Sekiranya proram ini berjaya dilaksanakan, politeknik juga akan menghasilkan pelajar-pelajar tahfiz ini akan berpeluang menjadi hafiz profesional dalam bidang yang ditawarkan di politeknik suatu hari nanti sebagaimana pencapaian dalam bidang-bidang lain di institusi lain. Pendekatan yang digunakan adalah menggunakan kurikulum Darul Quran JAKIM bagi melayakkan dianugerahkan Sijil. Program Pensijilan Tahfiz (PST) yang akan ditawarkan adalah program tahfiz sepenuh masa (Pensijilan Darul Quran, JAKIM) yang akan dilaksanakan serentak dengan program Diploma Politeknik. Apabila pelajar berjaya menghafaz 30 juzuk akan dianugerahkan dengan Sijil Tahfiz Malaysia (STM), Darul Quran, JAKIM bersekali dengan diploma politeknik.

#### **STRUKTUR CADANGAN KURIKULUM PENSIJILAN TAHFIZ AL-QURAN JAKIM POLITEKNIK KPT**

BIL.	SUBJEK	SEMESTER	JAM KREDIT	JAM KONTAK
1	<i>Hifz al-Quran Syafawi 1 (1-6)</i>	1	4	5
2	<i>Hifz al-Quran Tahriri 1 (1-6)</i>	1	4	5
3	Tajwid Ilmi 1	1	2	2
4	Tajwid Amali 1	1	2	2
<b>UJIAN : 6 JUZUK (1-6 )</b>				
6	Hifz al-Quran Syafawi 2 (7-12)	2	4	5
7	Hifz al-Quran Tahriri 2 (7-12)	2	4	5
8	Tajwid Ilmi 2	2	2	2
9	Tajwid Amali 2	2	2	2

<b>UJIAN : 12 JUZUK (1-12 )</b>				
11	Hifz al-Quran Syafawi 3 (13-18)	3	4	5
12	Hifz al-Quran Tahriri 3 (13-18)	3	4	5
13	Tajwid Amali 3	3	2	2
14	Akidah	3	2	2
<b>UJIAN : 6 JUZUK (13-18 )</b>				
16	Hifz al-Quran Syafawi 4 (19-24)	4	4	5
17	Hifz al-Quran Tahriri 4 (19-24)	4	4	5
18	Tajwid Amali 4	4	2	2
19	Fiqh al-Ibadah	4	2	2
<b>UJIAN : 12 JUZUK (13-24 )</b>				
21	Hifz al-Quran Syafawi 5(25-30)	5	4	5
22	Hifz al-Quran Tahriri 5 (25-30)	5	4	5
23	Tajwid Amali 5	5	2	2
25	Tafsir	5	2	2
<b>UJIAN : 30 JUZUK (1-30 )</b>				
<b>JUMLAH</b>				<b>60</b>

### SENARAI SUBJEK SIJIL TAHFIZ

SUBJEK	JAM KREDIT	BIL SEM	JAM PERTEMUAN /MINGGU	JUMLAH (JAM KREDIT)
<i>Hifz al-Quran Syafawi</i>	4	5	1	20
<i>Hifz al-Quran Tahriri</i>	4	5	1	20
Tajwid Ilmi	2	2	2	4
Tajwid Amali	2	5	2	10
Akidah	2	1	2	2
Fiqh al-Ibadah	2	1	2	2
Tafsir	2	1	2	2
<b>JUMLAH JAM KREDIT</b>				<b>60</b>

Terdapat beberapa pihak dan institusi telah menyokong dan berperanan dalam menjayakan program pensijilan tahniz politeknik antaranya; (1) Bahagian Pendidikan Islam KPM & Darul Quran, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) yang merupakan bahagian yang menyokong dokumentasi, membekalkan maklumat dan kepakaran contohnya kurikulum, maklumat perlaksanaan program TMUA yang dilaksana di sekolah; (2) LEPAI merupakan lembaga yang ditubuhkan oleh Majlis Raja-raja Melayu untuk menunjukkan keperihatinan Raja Melayu dalam pembangunan dan kemajuan Pendidikan Islam dalam kalangan rakyat. LEPAI amat menyokong perlaksanaan program tahniz yang dibangunkan oleh maahad-maahad tahniz di seluruh Malaysia; (3) Permata Al-Quran merupakan bahagian yang menaungi Maahad Tahniz di seluruh Malaysia; Bahagian ini membekalkan maklumat berkenaan pelajar, masalah perlaksanaan, cabaran dan sebagainya contohnya cabaran pelajar-pelajar lepasan Tahniz ramai yang belum dapat meneruskan pengajian di peringkat yang tinggi di samping mengekalkan dan mendapat pengiktirafan daripada Darul Quran; dan (4) PITAS, merupakan bahagian yang

menaungi Maahad Tahfiz seluruh negeri Selangor. Bahagian ini membekalkan maklumat berkenaan pelajar dan cabaran yang mereka lalui khususnya tentang hala tuju pelajar selepas selasai pengajian di maahad.

## **ASAS PENAWARAN SIJIL TAHFIZ DI POLITEKNIK DAN KONSEP ULUL ALBAB**

### **Kesinambungan Hafazan di Peringkat Institusi Pendidikan Tinggi**

Penawaran sijil tahfiz politeknik adalah kesinambungan kepada pelaksanaannya di peringkat menengah, memberi laluan pilihan kepada pelajar meneruskan hafazan selepas peringkat menengah ke peringkat Diploma politeknik disamping ke universiti atau institusi lain yang juga menyediakan laluan melanjutkan pengajian. Pelaksanaan ini juga selari dengan saranan kerajaan dalam melahirkan professional huffaz sebagaimana ucapan Timbalan Perdana Menteri YAB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd Yassin dalam majlis pelancaran TMUA di SMKA Kedah pada 10 Julai 2014 dengan menyatakan hasrat agar usaha melahirkan generasi al-Hafiz di teruskan ke peringkat Institusi Pengajian Tinggi (IPT) sebagai professional tahfiz. IPT diharapkan agar menjadi platform menyambung program TMUA (Muhyiddin 2014). Menurut Afaf Abdul Ghafor Hameed (2003), lepasan Maahad Tahfiz telah berkecimpung dalam pelbagai bidang pekerjaan. Ramai juga yang telah melanjutkan pengajian dalam bidang perubatan, perundangan, perakaunan, teknologi maklumat, kejuruteraan, pendidikan dan sebagainya semenjak 1999.

### **Wadah Membentuk Sahsiah Pelajar**

Penawaran program tahfiz juga membawa hasrat pembentukan syahsiah pelajar ke arah pembentukan insan kamil bukan hanya pelajar kumpulan yang terlibat program hafiz sahaja tetapi pelajar lain juga. Wan Mariana dan Mohd Shafiee (2012) yang menyatakan bahawa pembentukan keperibadian dan syaksiah pelajar yang unggul dapat dibentuk melalui konsep ulul albab sebagaimana yang terkandung di dalam al-Quran al-Karim. Ulul Albab bermaksud golongan yang mempunyai asas yang kukuh dalam al-Quran, ilmu pengetahuan yang luas dan pelbagai, boleh berfikir dan mengamati kejadian Allah swt dan mengambil pengajaran daripadanya. KPM (2016) melalui Pekeliling Ikhtisas Bil.1/2016 menjelaskan, Model Kurikulum Asas Ulul Albab merangkumi elemen; (1) Qur'anik: kaedah menghafaz 30 Al-Quran, memahami kandungannya serta menjadikan. Al-Quran sebagai addin menggunakan pendekatan baca, ingat, faham, fikir amal dan sebar (BIFFAS); (2) Ensiklopedik: kaedah asas bagi murid untuk menjadi pakar rujuk rakan seangkatannya dengan penguasaan pelbagai bidang ilmu dan bahasa; dan (3) Ijtihadik: kaedah untuk menyediakan murid dengan keupayaan dapat menyumbang idea, penyelesaian masalah, dan memaksimumkan keupayaan berfikir aras tinggi secara kreatif dan inovatif.

Melalui program ini, pelajar yang terlibat langsung dengan program pengajian ini akan dibentuk dengan syahsiah mulia yang terangkum dalam adab penghafaz al-Quran. Dalam masa yang sama memberikan pengaruh pembentukan syahsiah mulia kepada pelajar-pelajar yang lain di politeknik termasuklah juga pensyarah, pentadbir, staf sokongan dan seluruh warganya.

### **Mewujudkan Persekutaran Pengajian Beriklim Ulul Albab**

Politeknik juga berhasrat membina persekitaran pengajian beriklim Ulul Albab. Kalimah Ulul Albab di sebut sebanyak 16 kali di dalam al-Quran menunjukkan kepentingan Ulul Albab dalam diri pelajar dan dalam kehidupan manusia dunia akhirat. Antara ayat al-Quran tersebut adalah Surah al-Baqarah: Ayat 179 menjelaskan bahawa bagi yang yang berakal (ulul albab) melihat Qisas sebagai kelangsungan hidup manusia dengan mencegah pembunuhan atau

mencederakan dan hidup dalam keadaan aman damai bukannya sebagai pembalasan dendam.

*“Dan dalam qishas itu ada (jaminan kelangsungan) hidup bagimu, hai orang-orang yang berakal supaya kamu bertaqwa”*

Surah al-Baqarah: Ayat 197 menjelaskan bahawa orang yang berakal budi (ulul albab) akan melaksanakan haji pada bulan tertentu dengan tatacara tertentu dengan adab-adab tertentu, menjauhi perkara-perkara tertentu, memahami bahawa segala perbuatan dalam pengetahuan Allah swt dan mempersiapkan bekalan yang sepatutnya.

*“Pelaksanaan haji adalah dalam bulan-bulan yang dimaklumi, barang siapa berusaha (menjalankan) haji di dalamnya, maka tidak boleh berhubungan badan, berbuat fasik, dan berbantah-bantahan di dalam masa mengerjakan haji. Dan apa yang kamu kerjakan berupa kebaikan, niscaya Allah mengetahuinya. Dan berbekallah, dan sesungguhnya sebaik-baiknya bekalan adalah taqwa dan bertaqwalah kepadaKu wahai orang-orang yang berakal-budi”.*

Surah al-Baqarah: Ayat 269 memberi penjelasan bahawa Allah swt mengurniakan kebijaksanaan yang hadir bersamanya kebaikan yang melimpah ruah, hanya akan diketahui oleh orang-orang yang berakal (ulul albab)

*“Dia memberikan kebijaksanaan kepada yang Diakehendaki, dan barang siapa yang telah diberi kebijaksanaan, sesungguhnya telah diberi kebaikan yang melimpah, namun tidak ada yang mengetahuinya kecuali orang-orang yang berakal”.*

Surah Ali Imran: Ayat 7 menyentuh berkaitan dengan ayat yang bermakna jelas (muhkamat) dan ayat yang bermakna tersembunyi (mutasyabihat). Ayat yang jelas memudahkan pemahaman, penerimaan dan pengamalan manakala ayat yang bermakna tersembunyi akan difahami oleh orang yang berakal (ulul albab).

*“Dialah yang menurunkan al-Kitab kepadamu; di dalamnya terdapat ayat-ayat yang jelas yang menjadi dasar bagi Kitab ini, sedangkan yang lain adalah yang maknanya tersembunyi. Tetapi bagi mereka yang di dalam hatinya terdapat keburukan, mereka mengikuti sebagian dari yang maknanya tersembunyi itu, berusaha untuk menyebabkan keburukan dengan mencari-cari (sendiri) maknanya dengan penafsiran mereka sendiri, sedangkan tiada yang mengetahui (penafsirannya yang tersembunyi itu) kecuali Allah, dan mereka yang memiliki pengetahuan yang kuat dan mendalam. Mereka berkata, “Kami percaya kepadaNya, seluruhnya berasal dari Tuhan kami; dan tiada yang bisa memikirkannya kecuali orang yang berakal.”*

Surah Ali Imran: Ayat 190 pula menjelaskan penciptaan langit dan bumi mempunyai tujuan yang tersendiri dan menjadi bukti dan tanda kekuasaan Allah bagi yang memikirkannya (ulul albab).

*“Sesungguhnya dalam penciptaan langit dan bumi serta perubahan malam dan siang, terdapat tanda-tanda bagi orang-orang yang berakal.*

Surah al-Maidah: Ayat 100 mengemukakan hujjah bahawa terdapat perbezaan antara yang keburukan dengan kebaikan. Keburukan adalah keburukan walaupun ramai yang melakukannya dan sangat diminati untuk dilakukan. Manusia yang berakal (ulul albab) diminta bertakwa kepada Allah swt supaya beroleh kesejahteraan hidup.

*“Katakanlah, “Keburukan dan kebaikan itu tidaklah sama, meskipun banyaknya keburukan itu bisa menarik hati kalian. “Maka bertaqwalah kepada Allah, wahai orang-orang berakal, aar kalian menjadi sejahtera (beruntung)”.*

Surah Yusuf: Ayat 111 menganjurkan agar orang-orang yang mempunyai akal (ulul albab) mengambil pengajaran daripada kisah-kisah yang berlaku supaya mendapat petunjuk dan

rahmat. Kisah-kisah di dalam al-Quran juga menbenarkan apa yang terkandung di dalam kitab-kitab nabi yang terdahulu.

*“Sesungguhnya pada kisah-kisah mereka itu terdapat pelajaran bagi orang-orang yang mempunyai akal. Al Quran itu bukanlah cerita yang dibuat-buat, akan tetapi memberikan (kitab-kitab) yang sebelumnya dan menjelaskan segala sesuatu dan sebagai petunjuk dan rahmat bagi kaum yang beriman”.*

Surah ar-Rad: Ayat 19 pula menjelaskan bahawa hati orang-orang yang beriman akan tenteram jika beroleh kebenaran melalui keimanan. Melalui ayat ini ulul albabb di maksudkan kepada sekumpulan pakar yang memahami apa yang diturunkan oleh Allah swt dan mengambil pengajaran daripada ayat al-Quran.

*“Adakah orang yang mengetahui bahwasanya apa yang diturunkan kepadamu dari Tuhanmu itu benar sama dengan orang yang buta? Hanyalah orang-orang yang berakal saja yang dapat mengambil pelajaran”.*

Surah Ibrahim: Ayat 52 menerangkan bahawa manusia telah dipandu dengan peringatan dan panduan agar keluar daripada kegelapan kepada cahaya yang akan menerangi sehingga hari kiamat, beriman hanya kepada Allah swt tuhan yang Esa serta mengambil pengajaran (ulul albabb) berdasarkan wahyu.

*“Ini adalah penjelasan bagi manusia, dan supaya mereka diberi peringatan tengannya, dan supaya mereka mengetahui bahwa Dia adalah Tuhan yang Maha Esa dan agar ulul albabb mengambil pelajaran”.*

Surah Shaad: Ayat 29 telah memberikan penetapan bahawa kitab al-Quran yang diturunkan adalah sangat bermafaat kepada manusia, boleh membimbing manusia ke arah kebaikan dan kebahagiaan dalam semua aspek kehidupan manusia dimana manusia yang mempunyai fikiran (ulul albabb) dapat mempelajari banyak perkara melaluinya.

*“Ini adalah sebuah kitab yang kami turunkan kepadamu penuh dengan berkah supaya mereka memperhatikan ayat-ayatnya dan supaya mendapat pelajaran orang-orang yang mempunyai pikiran”.*

Surah Shaad: Ayat 43 pula menceritakan kisah nabi Ayyub dimana Allah mengumpulkan kembali keluarga nabi Ayyub yang sebelumnya bercerai berai menjadi keluarga yang ramai dalam bilangan yang berganda dari sebelumnya. Ayat ini menjadi pengajaran bagi yang berakal (ulul albabb) agar tidak berputus asa dengan rahmat Allah dan sentiasa ada kesenangan di sebalik setiap kesusahan.

*“Dan kami anugerahi dia (dengan mengumpulkan kembali) keluarganya dan (kami tambahkan) kepada mereka sebanyak mereka pula sebagai rahmat dari kami dan pelajaran bagi orang-orang yang mempunyai pikiran”.*

Menurut surah az-Zumar: Ayat 9, tidak akan sama antara orang yang taat berinadat kepada Allah swt dengan orang yang musyrik. Orang yang berakal (ulul albabb) akan dapat mengetahui dengan jelas perbezaannya dan mengambil pengajaran daripadanya.

*“(Apakah kamu hai orang musyrik yang lebih beruntung) ataukah orang yang beribadah di waktu-waktu malam dengan bersujud dan berdiri, sedang ia takut kepada (azab) akhirat dan mengharapkan rahmat Tuhan-nya? katakanlah, “Adakah sama orang-orang yang mengetahui dengan orang-orang yang tidak mengetahui?” sesungguhnya orang yang berakallah yang bisa menerima pelajaran”.*

Surah az-Zumar: Ayat 18 menyatakan bahawa orang yang mendapat petunjuk hidayah dan taufik daripada Allah untuk berada di jalan yang benar akan beroleh nikmat kekal di

syurga. Petunjuk hidayah dan taufik ini hanya diperoleh dari kalangan yang berakal (ulul albab).

*“Yang mendengarkan perkataan lalu mengikuti apa yang paling baik diantaranya, mereka itulah orang-orang yang telah diberi Allah petunjuk dan mereka itulah orang-orang yang mempunyai akal”.*

Manakala surah az-Zumar: Ayat 21 menerangkan bahawa orang yang berakal (ulul albab) memahami kejadian hujan yang membawa rahmat kepada manusia dengan nikmat tumbuh-tumbuhan yang kemudiannya musnah. Penerangan ini merupakan analogi kepada dunia dan segala nikmat dunia akan berakhir dan manusia tidak akan terpedaya dengannya sehingga melupakan hakikat sebenar kehidupan jika berfikir (ulul albab).

*“Apakah kamu tidak memperhatikan, bahwa sesungguhnya Allah menurunkan air dari langit, maka diturnya menjadi sumber-sumber dibumi, kemudian di tumbuhkan-Nya dengan air itu tanam-tanaman yang bermacam-macam warnanya, lalu ia menjadi kering lalu kami melihatnya kekuning-kuningan, kemudian dijadikan-Nya hancur berderai-derai. Sesungguhnya yang pada demikian itu benar-benar terdapat pelajaran bagi orang-orang yang mempunyai akal”.*

Ayat yang juga mengandungi ayat berkaitan ulul albab adalah dalam Surah Ghaafir: Ayat 54 yang menjelaskan bahawa segala petunjuk dan peringatan yang diturunkan oleh Allah adalah untuk kebaikan manusia yang berfikir (ulul albab).

*“Untuk menjadi petunjuk dan peringatan bagi orang-orang yang berfikir”*

Ayat yang juga mengandungi ayat berkaitan ulul albab adalah dalam Surah ath-Talaaq: 10 yang memberikan amaran bahawa azab yang keras kecuali bagi manusia yang bertaqwa bagi yang mempunyai akal (ulul albab).

*“Allah menyediakan bagi mereka azab yang keras. Maka bertaqwalah kepada Allah, hai orang-orang yang mempunyai akal”.*

### **Melahirkan Modal Insan Aset Negara (Huffaz Professional)**

Hasrat ini juga selari dengan saranan kerajaan di bawah RMK 10 untuk melahirkan modal insan negara. Politeknik juga dalam masa yang sama sangat komited menghasilkan graduat yang berkualiti agar menjadi institusi peneraju bidang Technical Vacational Education and Training (TVET). Politeknik ingin terus relevan menjadi penjana modal insan negara dan mengekalkan status peneraju TVET. Dengan program tahfiz dapat memberikan nilai tambah kepada graduat politeknik ke arah menjadi huffaz professional modal inan negara.

### **Pembelajaran Yang Menggabungkan IQ, EQ dan SQ**

Pembelajaran secara bersepada dan seimbang akan dapat mengupayakan pelajar secara serentak dari aspek aspek spiritual, emosi, rohani, jasmani dan intelektual serta membentuk keperibadian. Beberapa pandangan juga telah dikemukakan bagi kewajaran pelaksanaan program tahfiz ini di pelbagai peringkat, antaranya pandangan Arniyuzie (2015) yang menyatakan bahawa corak pembelajaran yang menyeluruh dan komprehensif tanpa pemisahan antara ilmu keagamaan (usuluddin) dan sains (ulum) dapat menyeimbangkan kecerdasan intelektual (IQ), kecerdasan emosi (EQ) dan kecerdasan spiritual (SQ). Menurut Zamroni (2014) pula, pendekatan ulul albab dilihat sebagai proses pembelajaran sepanjang hayat membentuk dimensi pendidikan yang lengkap seimbang antara aspek spiritual, emosi, rohani, jasmani dan intelektual serta membentuk keperibadian.

### **Kebolehpasaran Graduan**

Program ini berhasrat memudahkan graduan untuk mendapat peluang pekerjaan, graduan akan dilihat sebagai mempunyai nilai tambah oleh majikan apabila memiliki segulung diploma beserta dengan sijil tahfiz. Situasi ni sedikit berbeza dengan keadaan yang biasa berlaku adalah pelajar mengikuti bidang pengajian tertentu dan mendapat sijil professional dalam bidang pengajiannya. Sungguhpun begitu, memiliki sijil tahfiz mempunyai impak tersendiri dalam kehidupan graduan politeknik dan kehidupan kerjayanya. Keadaan ini secara tidak langsung meletakkan juga program pengajian yang ditawarkan politeknik menjadi pilihan pelajar lepasan SPM sebagai laluan menyambung pengajian.

### **KESIMPULAN**

Menjaga Al-Quran melalui pembacaan, pemahaman, amalan dan hafazan merupakan aspek yang penting kerana al-Quran merupakan khazanah ilmu, panduan, perundangan dan tatacara hidup bagi setiap muslim. Perkembangan pesat pembelajaran tahfiz di Malaysia menunjukkan aspek ini diberikan tempat yang sewajarnya, pembelajaran tahfiz telah diarusperdanakan dalam sistem pendidikan kebangsaan membuka ruang seluas-luasnya kepada warga Malaysia untuk mempelajarinya dari pelbagai peringkat pengajian sehingga ke institusi pengajian tinggi. Politeknik telah bergerak selari dengan hasrat negara dengan berusaha menyediakan ruang tahfiz dan dalam masa yang sama mengikut program pengajian peringkat diploma bagi program terpilih di politeknik. Pendek kata apabila mendapat pengiktirafan tahfiz, pelajar bukan hanya boleh menjadi Imam, guru, pensyarah, pegawai agama angkatan tentera sahaja tetapi boleh juga menceburi bidang kerjaya yang lain sekaligus menjadi asset keluarga, agama dan negara.

Kajian ini diharap dapat memberi sedikit pendedahan kepada umum tentang usaha melaksanakan program Huffaz Profesional yang akan dilaksanakan di Politeknik KPT. Semoga penerapan nilai-nilai al-Quran akan terus berkembang dalam pelbagai bidang ilmu pengajian dan generasi akan datang dapat terus menimba ilmu dengan dan pengajian berkaitan al-Quran sekaligus menyumbang kepada kepesatan negara tanpa meninggalkan nilai-nilai dan kemuliaan al-Quran.

### **RUJUKAN**

#### **Al-Quran**

- Afaf Abdul Ghafor Hameed, (2003). *Elmtiyaz. 'Ulum Islamiyyan: The Malaysian Journal of Islamic Sciences*. Vol 2. No. 1. 134-189. Penerbit: USIM
- Ahmad Syahrul Adnan, Muhammad Hafizan Abd Hamid dan Syafawati Salihan. (2015). *Kualiti Akademik Pelajar Dibawah Program Huffaz Profesional Uniten: Satu Tinjauan Awal Berdasarkan Keputusan Akhir Pelajar*. Prosiding Seminar Antarabangsa Isu-isu Pendidikan 2015, 303-310.
- Alias Mat Saad, Abu Zarrin selamat, Norhayati Fatmi Talib, Yusni Mohamad Yusak Zuhair Abd Rahman, Zainab Hanina Abdull Samad. (2014). *Kertas Cadangan Pelaksanaan Program Tahfiz Model Ulul Albab Di Politeknik*.
- Arniyuzie Mohd Arshad. (2015). *Program Ulul Albab Dalam Sistem Pendidikan Di Malaysia*. Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik, 3(4).
- Azmil Hashim. (2010). *Penilaian Pelaksanaan Kurikulum Tahfiz al-Quran di Darul Quran, JAKIM dan Maahad Tahfiz al-Quran Negeri*. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Bahagian Pembangunan Dasar (BPD). (2015). *Pelaksanaan Program Laluan Khas Lepasan Sekolah Tahfiz Ke Politeknik*.

- Haron Din, Prof. Dato' Dr. (1992) *Tasawwur Islam*, Shah Alam: Hizbi Sdn. Bhd.
- Idris Jusoh. (2017). [http://www.silveromedia.com.my/idrisjusoh/?page\\_id=501](http://www.silveromedia.com.my/idrisjusoh/?page_id=501) [6 Mac 2017]
- JPM. (2016). [www.jpm.gov.my/jpm2/ms/content/kerajaan-kerangka-dasar-pendidikan-tahfiz-negara](http://www.jpm.gov.my/jpm2/ms/content/kerajaan-kerangka-dasar-pendidikan-tahfiz-negara) [23 Disember 2016]
- Kamsaton Simon. (2005). *Kepentingan Pengajian Tahfiz al-Quran Terhadap Masyarakat Pada Masa Kini*. Pusat Pengajian Islam dan Pembangunan Sosial (PPIPS). Skudai; UTM.
- Khasniza Abd Karim, Darni Yusoff. (2016). *Pra Tahfiz al-Qur'an al-Karim*. Kertas Kerja ULPL Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PSA).
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2016). Pelaksanaan *Tahfiz Model Ulul Albab di Sek Men KPM*. Retrieved from [http://www.moe.gov.my/cms/upload\\_files/circularfile/2016/circularfile\\_file\\_001350.pdf](http://www.moe.gov.my/cms/upload_files/circularfile/2016/circularfile_file_001350.pdf) [28 Disember 2016]
- Mohamad Marzuqi Abdul Rahim, Azmil Hashim, Wahyu Hidayat, Ahmad Yussuf & Abd Hadi Borham. 2016. *Tahap Penggunaan alat bantu Hafazan (ABH) dalam kalangan Pensyarah Tahfiz al-Quran di Malaysia*. Bab dan Buku: memperkasa Generasi Penghafaz al-Quran. Selangor: Penerbitan JAKIM.
- Mohd Shahril Ahamed & Sidek Baba. (2013). *Integrating Ulul Albab Education and Science Education in Development Insan Ta' Dibi Generation: A Case Study of Mara Junior Science College (Mjsc)*. WEI International Academic Conference Proceedings, 96– 103.
- Mohd Yusuf Ahmad (2002). *Falsafah dan Sejarah Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Muhaidi Hj Mustaffa Al Hafiz, Mohd Al'Ikhsan Ghazali dan Siti Salwa Md. Sawari. (2015). *Eksplorasi Hubungan Hafazan Al-Quran dan Kecemerlangan Para Pelajar Maahad Tahfiz Al-Quran Wal Qiraat Pulai Chondong*. Prosiding Seminar Antarabangsa Isu-isu Pendidikan 2015, 123-132
- Muhyiddin Yassin. (2014). *Menyambung Risalah Perjuangan Suci*. <http://www.penaminang.com/2014/12/teks-ucapan-timbalan-presiden-umno.html> [22 October 2016].
- Nor Kamariah Abdul Manaf. (2013). *Integrasi Pengajian Tahfiz al-quran dan akademik di Ma'ahad Hafiz, Klang*. Tesis Ijazah Sarjana Pengajian Islam. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- PPPM. (2013). <http://jpnperak.moe.gov.my/ppdkinta/ppdkuv2pdf/PPPM%20BAB%207.pdf> [23 Disember 2016]
- Wan Mariana Wan Mohamad, Mohd Shafiee Hamzah. (2012). *Penerapan Konsep Ulul Albab Dalam Pendidikan*. Persidangan Kebangsaan Pendidikan Islam.<http://www.ipislam.edu.my/> uploaded/PKPI2012/38%20PENERAPAN%20KONSEP%20ULUL%20ALBAB%20DALAM%20PENDIDIKAN.pdf [23 Disember 2016]
- Rujukan yang tidak diterbitkan: Minit Mesyuarat, Dokumen-dokumen dan Kertas Cadangan Pelaksanaan Program.